

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

المحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

SEKAPUR SIRIH



Alhamdulillah syukur, 'Regata Brunei Darussalam ke-3' dapat dianjurkan pada tahun kita menyambut Ulang Tahun ke-30 Hari Kebangsaan.

Tentu sahaja sambutan Hari Kebangsaan itu menyemarakkan semangat bernegara di bawah pemerintahan beraja yang *"adil berdaulat menaungi nusa – memimpin rakyat kekal bahagia"*. Dan dengan semangat itulah juga kita meneruskan tradisi sukan air di Sungai Brunei, di pesisiran Kampong Ayer.

Sebagaimana halnya pada masa dahulu begitulah juga sekarang. Ia meriah dan mendapat sambutan dari semua peringkat. Sebagai sukan tradisi yang dapat bertahan menembusi perubahan masa maka tentu sahaja ia dapat dikembangkan menjadi acara sukan yang menarik penyertaan tidak sahaja daripada kawasan Teluk Brunei bahkan dari luar negeri. Apabila sedemikian itu terjadi maka *Regata Brunei Darussalam* adalah acara sukan sosial yang boleh menambah erat hubungan kerjasama dan saling memahami serta menghormati di antara kita dengan masyarakat luar negara.

Dan suatu yang paling signifikan dalam setiap kali Regata Brunei Darussalam ialah keberangkatan dan penyertaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan juga anakanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan kerabat Diraja. Sesungguhnya kita sekalian menjunjung keberangkatan dan penyertaan

Baginda serta anakanda-anakanda Baginda dan Kerabat Diraja itu dengan penuh syukur dan setinggi-tinggi menjunjung kasih. Ianya suatu yang menambah ketara lagi hubungan mesra Baginda dan rakyat jelata yang taat setia mendukung kedaulatan pemerintahan Beraja Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sampingan acara Regata terdapat juga Pameran dan Gerai Jualan Satu Kampung Satu Produk. Ianya lebih menarik dengan turut mengetengahkan pameran dan jualan yang terdapat dalam Majlis Anugerah Kampong Cemerlang 2013-2014 yang berlangsung beberapa hari sebelum acara Regata ini.

Akhirnya kita mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua jajaran Ahli-Ahli jawatankuasa yang bekerja keras menjayakan setiap aspek Regata Brunei Darussalam Ke-3 ini. Penghargaan dan terima kasih juga kepada semua peserta yang cukup besemangat memeriahkan acara sukan sosial yang insya Allah akan berkekalan sebagai tradisi dalam amalan terbaik-baik di kalangan semua lapisan rakyat dan penduduk.

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin
Pengaruh Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia
Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Selaku
Penasihat-Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi
Regata Brunei Darussalam 2014